

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Thursday, 9 March, 2017 2:47 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Suhaimi bin Ismail
Subject: SEKRETARIAT 1 MALAYSIA: CHAPTER TERENGGANU (PERMATA) UUM: PROGRAM CALL MOM AND DAD MENCETUS FENOMENA DI VARSITY MALL



9 MAC 2017, KHAMIS | 10 JAMADILAKHIR 1438H



PERMATA: Suasana Varsity Mall di Universiti Utara Malaysia (UUM) cukup meriah dengan kehadiran mahasiswa yang menayakan Program Call Mom and Dad yang dianjurkan oleh Sekretariat 1 Malaysia: Chapter Terengganu (PERMATA) UUM pada 22 Februari 2017.

Kehadiran para pelajar yang berpusu-pusu menyertai program ini adalah sesuatu yang tidak dijangka dan ia membuka mata banyak pihak dari pelbagai aspek terutamanya keberanian dan ketulusan para pelajar mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa mereka di khalayak ramai.

Menurut Pengarah Program Call Mom and Dad, Nur Nasuha Bt Md Zaki, program ini dianjurkan bagi memberi peluang dan menyedarkan para pelajar betapa ibu bapa dihargai dan diingati.

“Penghargaan itu bukan sahaja boleh ditunjukkan dan dilafazkan melalui perkataan I Love You tetapi juga perasaan yang luhur dari hati tentang betapa jasa mereka tidak mampu dibalas sekalipun dengan sejuta berlian,” katanya.

Para peserta turut menyatakan kekaguman dan harapan mereka agar program ini diadakan lagi. Menurut mereka program ini banyak manfaat dan sangat memberikan kesedaran bahawa ibu bapa sentiasa menunggu anak-anaknya menghubungi mereka.

Turut hadir memberi sokongan ialah Penasihat PERMATA UUM, En. Suhaimi Ismail dan Pegawai Perhubungan Mahasiswa Terengganu Zon Utara, En. Mohamad Luqman Haqimie Mohamad Salleh.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.